

Ruj. Kami : MQA.100-1/7/1 Jld3(13)

Tarikh : 31 Disember 2020

KEPADA SEMUA PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

Tuan/Puan,

PEKELILING MQA BIL. 6/2020

PEMAKAIAN KOD AMALAN AKREDITASI PROGRAM TVET (CODE OF PRACTICE FOR TVET PROGRAMME ACCREDITATION, COPTPA) EDISI KEDUA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) telah menerbitkan dokumen 'Kod Amalan Akreditasi Program TVET (Code of Practice for TVET Programme Accreditation, COPTPA)' yang mana pemakaiannya telah dikuatkuasakan melalui Pekeliling MQA Bil. 10/2019 bertarikh 30 Ogos 2019.

3. COPTPA yang dibangunkan secara bersama oleh MQA, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pakar TVET memberi penerangan berkaitan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi TVET melalui proses akreditasi program bagi kelayakan Sijil Tahap 1 hingga Tahap 3, Diploma Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Tahap 5 Kerangka Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Framework, MQF). COPTPA telah menjadi rujukan utama kepada Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT)/ Penyedia TVET, Ahli Panel Penilai TVET (APV), pegawai MQA dan JPK, penggubal dasar, badan profesional dan lain-lain pihak berkepentingan yang berkaitan.

4. Bermula Ogos 2019, MQA telah mengambil inisiatif melaksanakan kajian untuk menambah Standard TVET bagi kelayakan Sarjana Muda Tahap 6 MQF dalam COPTPA. Berdasarkan input yang diterima daripada Panel Pembangunan Standard TVET dan pihak berkepentingan, **COPTPA Edisi Kedua** telah dibangunkan dengan **memasukkan Standard TVET bagi kelayakan Sarjana Muda Tahap 6 MQF**. Selain dari itu, **kandungan sedia ada** bagi kelayakan Sijil Tahap 1 hingga Tahap 3, Diploma Tahap 4 dan Diploma Lanjutan Tahap 5 MQF **telah turut dikemas kini**.

5. Secara amnya, COPTPA Edisi Kedua melibatkan penambahbaikan ke atas tujuh bidang penilaian berikut:

- Bidang 1 : Pembangunan dan Penyampaian Program
- Bidang 2 : Penilaian Pelajar
- Bidang 3 : Pemilihan dan Khidmat Sokongan Pelajar

- Bidang 4 : Tenaga Pengajar
 Bidang 5 : Sumber Pendidikan
 Bidang 6 : Pengurusan Program
 Bidang 7 : Pemantauan, Semakan dan Penambahbaikan Kualiti Berterusan Program

Penilaian bagi Bidang 3 yang merangkumi aspek **pemilihan pelajar** kekal seperti mana ketetapan dalam COPTPA Edisi Pertama.

6. Pelaksanaan dan pematuhan terhadap COPTPA Edisi Kedua adalah terpakai kepada semua PPT dalam penyediaan dokumen permohonan **Akreditasi Sementara**, permohonan **conversion program akademik kepada program TVET** dan permohonan **Akreditasi Penuh program TVET MQA** dengan perincian seperti berikut:

TARIKH KUAT KUASA	SITUASI	TINDAKAN PPT
1 Januari 2021	PPT ingin menawarkan program TVET.	<p>Permohonan perlu mematuhi COPTPA Edisi Kedua.</p> <p>PPT mengemukakan permohonan Akreditasi Sementara dan permohonan Akreditasi Penuh berdasarkan 'Pekeliling MQA Bil. 1/2020 – Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Program TVET' bertarikh 27 Februari 2020.</p> <p>Nota: Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Tahap 1 hingga Tahap 5 MQF masih boleh mengguna pakai COPTPA sedia ada (Edisi Pertama) sehingga 31 Disember 2021.</p>
	PPT ingin menukar program Akademik sedia ada yang telah mendapat Akreditasi Sementara atau Akreditasi Penuh kepada program TVET.	<p>Permohonan perlu mematuhi COPTPA Edisi Kedua.</p> <p>PPT perlu mendapatkan kelulusan bagi perkara-perkara yang dipinda daripada pihak berkuasa yang berkaitan berdasarkan syor MQA.</p> <p>PPT mengemukakan permohonan conversion program akademik kepada program TVET</p>

TARIKH KUAT KUASA	SITUASI	TINDAKAN PPT
		<p>berdasarkan Pekeliling MQA Bil. 2/2020 – Pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET: Permohonan <i>Conversion</i> Program Akademik kepada Program TVET' bertarikh 28 Februari 2020.</p> <p>Nota: Permohonan conversion program akademik kepada program TVET bagi Tahap 1 hingga Tahap 5 MQF masih boleh menggunakan pakai COPTPA sedia ada (Edisi Pertama) sehingga 31 Disember 2021.</p>

7. COPTPA Edisi Kedua perlu dibaca bersama dengan dokumen MQF Edisi Kedua serta dasar dan ketetapan jaminan kualiti pendidikan tinggi yang akan diperkenalkan dan dikemas kini dari semasa ke semasa. Walau bagaimanapun, PPT boleh membuat penambahan elemen-elemen lain yang bersesuaian selaras dengan aspirasi institusi serta keperluan nasional dan antarabangsa.

8. COPTPA Edisi Kedua boleh dirujuk dan dimuat turun melalui portal MQA, www.mqa.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



PROF. DATO' DR. HUSAINI BIN OMAR

s.k.:

1. YBhg. Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 17, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
2. YBhg. Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 9, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
3. YBhg. Ketua Pengarah
Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 5, Galeria PjH, Jalan P4w
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 W.P. PUTRAJAYA
4. SUSK YB Menteri Pengajian Tinggi
Pejabat Menteri Pengajian Tinggi
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 18, No. 2, Menara 2
Jalan P5/6, Presint 5
62200 W.P. PUTRAJAYA
5. Ketua Eksekutif
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)
Tingkat Bawah, Menara PTPTN
Blok D, Megan Avenue II
No.12, Jalan Yap Kwan Seng
50450 W.P. KUALA LUMPUR
6. Ketua Pegawai Eksekutif
Education Malaysia Global Services (EMGS)
Tingkat 20, Menara TA One
22 Jalan P Ramlee
50250 W.P. KUALA LUMPUR
7. Sekretariat
Jawatankuasa Naib Canselor/Rektor Universiti Awam (JKNC/R UA)
Pejabat Naib Canselor
Universiti Teknologi Malaysia
81310 SKUDAI, JOHOR

8. Sekretariat
Jawatankuasa Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Rektor (Akademik & Antarabangsa) (JKTNCRA IPTA)
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Aras 4, Canselori Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
9. Sekretariat
Majlis Dekan Pengajian Siswazah Universiti Awam
Pusat Pengajian Siswazah
Universiti Malaysia Kelantan
Karung Berkunci 36
16100 PENKALAN CHEPA, KELANTAN
10. Sekretariat
Majlis Naib Canselor IPTS (Vice Chancellors Council for Private University, VCCPU)
Pejabat Presiden
Universiti Multimedia
Persiaran Multimedia
63100 CYBERJAYA, SELANGOR
11. Presiden
Persatuan Kebangsaan Institusi Pengajian Tinggi Swasta Bumiputera Malaysia (PKIBM)
c/o Pejabat Komunikasi Korporat, Kumpulan Pendidikan Uniti
Pt 7445 & Pt 7446, Jalan Bbn1/2h, Putra Point 1
Bandar Baru Nilai 1
71800 NILAI, NEGERI SEMBILAN
12. Presiden
Malaysian Association of Private Colleges and Universities (MAPCU)
c/o Asia Pacific Institute of Information Technology (APIIT)
Jalan Inovasi 1, Techonology Park Malaysia
Bukit Jalil
57000 KUALA LUMPUR
13. Presiden
National Association of Private Educational Institutions (NAPEI)
A-1-3, Block A, 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1
46050 PETALING JAYA, SELANGOR